

Universiti guna konsep Islam

KOTA BAHARU, Isnin — Menteri Pelajaran, Datuk Dr Sulaiman Daud berkata, Universiti Islam Antarabangsa bercorak dan bersifat Islam dan akan mengajar berbagai-bagai bidang pelajaran termasuk sains dan teknologi seperti universiti-universiti biasa.

Tetapi konsep, prinsip dan falsafah yang akan digunakan di universiti itu berdasarkan kepada falsafah yang berteraskan Islam," ujarnya.

Datuk Dr Sulaiman menegaskan, pandangan jauh dan kebijaksanaan para pemimpin dan pejuang Islam termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amatlah disanjung tinggi, bukan sahaja oleh para pemimpin di negara ini, tetapi oleh pemimpin dan pejuang Islam dari seluruh negara Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir bersama pemimpin dan pejuang-pejuang Islam di negara ini telah dengan tegas dan berani menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di negara ini.

Menteri itu berkata demikian ketika merasmikan perayaan 40 tahun penubuhan Sekolah Kebangsaan Pendek, dekat sini hari ini.

Menerapkan

"Kerajaan telah berusaha dari masa ke masa menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara," tegasnya.

Di samping itu, katanya, kurikulum pelajaran yang diajarkan kepada anak-anak yang beragama Islam telah diserapkan dengan nilai-nilai Islam.

"Adalah tidak benar jika ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa kerajaan tidak mengambil berat terhadap pendidikan Islam di kalangan pe-

jar-pelajar," ujarnya.

Beliau berkata, bukti yang jelas dapat dilihat ialah sejak bertahun-tahun lamanya pelajar di sekolah-sekolah di negara ini telah mempelajari hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam.

Katanya ini diperkukuhkan pula dengan pendidikan Islam dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan awal tahun ini.

Tambahnya kerajaan juga telah berusaha memberi pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar ke peringkat yang lebih tinggi dengan mendirikan sekolah-sekolah menengah agama Islam di tiap-tiap negeri.

"Di samping itu, kerajaan juga menyediakan bantuan buku-buku teks agama kepada sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri, yayasan pelajaran negeri dan sekolah-sekolah rakyat."

Beliau mengumumkan, Ke-

menteriannya akan mengemukakan peruntukan hampir \$500,000 kepada Kerajaan Negeri untuk mendirikan bangunan dan lain-lain kemudahan asas pelajaran Sekolah Kebangsaan Pendek.

Beliau juga mengingatkan ibu bapa supaya jangan menyalahkan pihak lain, termasuk guru-guru dan pentadbir sekolah, sekiranya anak-anak mereka tidak berjaya dalam pelajaran.

Kemudahan

"Ini kerana Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan seperti bangunan, perpustakaan, padang permainan, guru terlatih, pinjaman buku-buku teks dan biasiswa kepada para pelajar," katanya.

Katanya tidak ada gunanya kemudahan-kemudahan ini diberikan sekiranya ada ibu bapa yang tidak merebut peluang-peluang yang disediakan.